

01/11/1999

Belanjawan BN realiti

Kadir Dikoh

MINGGU lalu, mungkin buat kali pertama dalam sejarah negara ini dua Belanjawan dibentangkan untuk negara bagi tahun depan. Pada Jumaat, kerajaan membentangkan Belanjawan Negara 2000 manakala dua hari sebelum itu, barisan alternatif, pakatan empat parti pembangkang, berbuat demikian.

Belanjawan Negara yang dibentangkan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin membawa keceriaan kepada rakyat dengan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, daripada murid sekolah, remaja, pekerja, hinggalah mereka yang sudah bersara.

Faedah daripada Belanjawan bertemakan "Belanjawan Rakyat" itu, sudah pasti dinikmati oleh setiap golongan rakyat.

Belanjawan barisan alternatif pula, pakatan yang mengandungi Parti Keadilan Nasional (Keadilan), DAP, Pas dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), dibentangkan oleh ahli akademik, Dr Jomo K S Sundram. Ia hanyalah Belanjawan bayangan yang mereka janji untuk laksanakan, itu pun sekiranya memerintah negara. Bezanya, Belanjawan BN ialah realiti manakala Belanjawan barisan alternatif ialah Belanjawan angan-angan.

Realiti - kerajaan sedia ada, pasti menunaikan segala janjinya. Belanjawan pembangkang, walau berjanji, belum pasti dilaksanakan. Kemampuan mereka untuk menguruskan negara, boleh dipersoalkan.

Dengan meneliti kandungan dua Belanjawan itu, jarak perbezaannya terlalu jauh - ibarat langit dan bumi. Belanjawan kerajaan dirangka dengan rapi lagi menyakinkan.

Misalnya, dari mana kerajaan memperoleh hasil dan ke mana agihannya untuk pembangunan. Apa faedahnya kepada rakyat berpendapat rendah dan bagaimana Belanjawan itu mampu memberi senyuman kepada orang tua, remaja, orang bujang, kakitangan kerajaan dan korporat. Tiada cukai baru diperkenalkan.

Belanjawan barisan alternatif terlalu samar dari segi anggaran sumber pendapatan dan pecahan perbelanjaan.

Kerajaan mencadangkan sejumlah RM78.03 bilion diperuntukan bagi Belanjawan negara tahun depan, bertambah 19.9 peratus. Sebanyak RM53.35 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM24.67 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Tetapi Belanjawan barisan pembangkang gagal memberi angka kasar mengenai hala tuju peruntukan seperti ini. Jomo yang diajukan pelbagai soalan memberi alasan sukar berbuat demikian kerana tidak mempunyai data. Pembangkang tidak langsung menyediakan laporan ekonomi untuk dirujuk sebagaimana dilakukan oleh kerajaan.

Separuh daripada 18 muka surat Belanjawan yang dibentangkan oleh Jomo yang kononnya bertindak sebagai "Menteri Kewangan" banyak menyalahkan kerajaan menangani krisis ekonomi, memuji bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menimbulkan isu lama seperti kroni dan projek mega.

Pembangkang mengaitkan krisis ekonomi yang dialami baru-baru ini kononnya disebabkan oleh dasar ekonomi yang sengaja dilaksanakan oleh kerajaan BN.

Pembangkang kononnya mahu meminda struktur percukaian, dengan mencadangkan paras pendapatan yang dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan ditingkatkan.

Dalam Belanjawan kerajaan, Daim mengumumkan pelepasan diri cukai pendapatan individu dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM8,000. Malah pendapatan bulanan kira-kira RM1,400 bagi seorang bujang dan RM2,100 bagi

yang sudah berkahwin dengan dua anak, tidak perlu membayar cukai. Langkah-langkah ini mengakibatkan kerajaan hilang hasil RM700 juta.

Belanjawan barisan alternatif mahu potongan cukai untuk kegiatan memajukan eksport ditingkat kepada 300 peratus.

Untuk membantu kegiatan import dan eksport, Belanjawan kerajaan mengurangkan duti import 136 jenis barangan dan menghapuskan duti import 43 jenis barangan. Malah, kerajaan turut memansuhkan lesen televisyen berkuat kuasa 1 April 1999 yang memaksanya menanggung kehilangan hasil RM43 juta.

Barisan alternatif berjanji untuk menaikkan gaji sektor awam. Dalam Belanjawan kerajaan, kakitangan awam bukan saja akan dibayar bonus sebulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 malah gaji pokok bagi semua kategori dinaikkan 10 peratus.

Belanjawan barisan alternatif mengesyorkan penubuhan Perbadanan Pembangunan Perumahan untuk mengatasi masalah kekurangan perumahan. Dalam Belanjawan 2000 kerajaan, Daim mengumumkan tempoh pengecualian duti setem dilanjutkan selama dua tahun mulai 1 Januari 2000 bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah. Pembinaan rumah kos rendah terus diberi keutamaan di mana kerajaan memperuntukan RM492 juta dalam Belanjawan 2000.

Kerajaan menetapkan matlamat untuk membina 58,600 unit rumah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh membabitkan 176 projek di bawah Projek Perumahan Awam Kos Rendah. Malah, syarat Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dilonggarkan berkuat kuasa serta merta bagi mengalakkan lebih ramai kakitangan kerajaan memiliki kediaman sendiri.

Barisan alternatif mahu peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dipinda untuk membenarkan pencarum mengeluarkan banyak wang dengan lebih mudah sebelum bersara bagi tujuan membeli rumah, membiayai pendidikan anak dan belanja kesihatan. Daim dalam Belanjawannya mengumumkan bahawa ibu bapa yang layak akan diberi kemudahan untuk mengeluarkan wang mereka dalam KWSP bagi tujuan pendidikan anak-anak. Bantuan persekolahan RM200 kepada anak pencarum Perkeso di bawah skim faedah orang tanggungan diberikan. Bagi tujuan ini, peruntukan RM6 juta disediakan oleh Perkeso dan akan memberi manfaat kepada 30,000 keluarga.

Pakatan pembangkang juga menjamin supaya setiap penuntut yang layak mengikuti pendidikan tinggi boleh mendapat pinjaman yang mencukupi daripada tabung yang akan didirikan.

Sebaliknya, Belanjawan Daim mencadangkan mewujudkan Kolej Komuniti dengan tujuan menyediakan peluang pendidikan lepasan menengah yang lebih luas, membolehkan pelajar meneruskan pendidikan mereka ke peringkat lebih tinggi atau sekurang-kurangnya memiliki diploma. Kerajaan bercadang, di mana sesuai, untuk mewujudkan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen.

Belanjawan pembangkang mendakwa ratusan ribu pekebun kecil getah terabai dan menghadapi kejatuhan harga getah.

Tetapi menurut Daim ketika membentang Belanjawan Rakyat, kerajaan menyediakan RM80 juta untuk memastikan harga getah dapat dikekalkan pada paras berpatutan. Untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah, sejumlah RM201 juta disediakan untuk Risda bagi melaksanakan program tanaman semula getah membabitkan 45,000 hektar pada tahun depan.

Di samping itu kata Daim, Tabung Yayasan Ekonomi Pekebun Kecil dengan dana sebanyak RM120 juta akan ditubuhkan untuk memberi pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil menjalankan kegiatan ekonomi sampingan seperti tanaman kontan, ternakan, pemprosesan makanan dan minuman serta kegiatan kraf tangan.

Kesimpulannya, apa yang diperkatakan oleh barisan pembangkang itu sama ada sudah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan BN, malah dengan lebih meyakinkan - bukan impian serta janji kosong.

Strategi Belanjawan barisan alternatif untuk pemulihan ekonomi misalnya, mahu memperkukuhkan permintaan dalam negara selain permintaan luar, terutama bagi pemulihan sesuai dengan kepentingan rakyat, sama ada dari segi permintaan swasta atau awam - sememangnya sudah, sedang dan akan terus diusahakan oleh kerajaan sekarang.

Lebih separuh daripada Belanjawan barisan alternatif itu cuba menyalahkan tindakan kerajaan menangani kemelut ekonomi tetapi mengakui negara sedang pulih "tetapi bukan kerana dasar kawalan modal".

Menurut Jomo negara seperti Korea, Thailand dan Indonesia juga pulih seperti Malaysia walaupun tanpa mengenakan kawalan modal. Sebagai ahli ekonomi Jomo seharusnya sedar bahawa pemulihan di tiga negara itu, tidak sama seperti di Malaysia.

Di Korea dan Indonesia misalnya, berapa banyak syarikat konglomerat dan bank milik rakyat tempatan sudah terlepas ke tangan asing? Tidak ada bank atau syarikat gergasi milik rakyat Malaysia terjatuh ke tangan asing sepanjang gawat.

Malah, negara rantau ini harus bersyukur dengan dasar kawalan modal Malaysia itu kerana ia juga turut memainkan peranan menambat kemunculan spekulator di rantau ini yang menjadi punca mencetuskan huru-hara di pasaran saham serantau. Tanpa kawalan modal itu, negara ini tidak akan "merdeka" melaksanakan dasar menangani masalah ekonomi dalam negara dan kerana dasar itu juga, negara berupaya mengurangkan kenaikan kadar faedah yang menjerat ramai peniaga sebelum ini.

Dunia kini mengakui keberkesanan dasar kawalan modal itu kecuali barisan alternatif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyalahkan spekulator seperti George Soros melalui dana lindung nilainya, Quantum Fund sebagai antara pencetus kegawatan di rantau ini. Hakikat ini diakui benar oleh Jomo tetapi peliknya, beliau mendakwa dasar kawalan modal sebagai tidak berkesan.

Bukankah dasar itu menutup terus pintu kepada orang seperti Soros daripada terus menyerang ringgit di luar pesisir? Jika ringgit tidak ditambat pada RM3.80, entah ke paras mana ia terus menjunam apabila Soros bertubi-tubi membelinya di pasaran luar pesisir untuk tujuan spekulatif semata-mata.

Mungkin Jomo mahukan negara kerugian lebih banyak lagi kerana kenyataannya itu seolah-olah kadar ringgit tidak perlu ditetapkan melalui kawalan modal yang pasti membuka pintu kepada orang seperti Soros.

Jika mengikut barisan alternatif itu - jangan tambat ringgit dan hapuskan kawalan modal - sudah pasti "Bank Negara kawalan kerajaan barisan alternatif" nanti akan kehabisan rizab asing.

Melalui Belanjawan itu juga, Jomo mendakwa kerajaan BN meminjam dan membelanjakan lebih RM60 bilion untuk menyelamatkan sistem perbankan serta mempersoalkan peranan Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

Hakikatnya, kewujudan tiga agensi khas inilah yang menyelamatkan banyak bank dan syarikat korporat daripada muflis. Tanpa Danaharta, pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan akan terus meningkat dan NPL yang bagaikan "barah" jika tidak dikeluarkan daripada sistem perbankan, akan melumpuhkan sesebuah bank.

Begitu juga Danamodal yang terpaksa menyuntik modal ke dalam bank bermasalah manakala CDRC bertindak sebagai orang tengah bagi menyelesaikan hutang korporat antara syarikat dan bank.

Apakah Jomo cuba menutup sebelah mata betapa besarnya peranan tiga agensi ini untuk memulihkan ketenatan bank dan syarikat tempatan dalam kemelut ekonomi yang dicitus bukan oleh pemerintah tetapi "kebebasan" dasar globalisasi? Sekali lagi, urusan perjalanan tiga agensi ini berjalan

lancar kerana dilindungi oleh dasar kawalan modal.

Seperti penonton dengan pemain bola sepak, memang mudah mengkritik cara permainan dari luar padang tetapi tidak semudah apabila berada di tengah padang.

(END)